

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN BERTULIS)

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peruntukan perbelanjaan mengurus dan peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada setiap Tabika KEMAS dan Taska dalam parlimen Bayan Baru dari tahun 2015-2019.

JAWAPAN

Bagi tempoh 2015-2019, sebanyak **RM211,780.00** peruntukan perbelanjaan mengurus yang telah disalurkan ke setiap TABIKA KEMAS dan TASKA dalam Parlimen Bayan Baru. Peruntukan ini telah member manfaat dalam bentuk projek baikpulih kepada lapan (8) buah TABIKA dsn TASKA KEMAS yang beroperasi dalam Parlimen Bayan Baru.

Agihan peruntukan mengikut kategori perbelanjaan dan mengikut tahunan seperti berikut:

TAHUN	PROJEK BAIKPULIH	PERUNTUKAN (RM)
2015	3	94,800.00
2017	1	19,750.00
2018	2	59,660.00
2019	2	37,570.00
JUMLAH	12	211,780.00

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat jua, pada tahun 2020 peruntukan perbelanjaan mengurus dan peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada setiap TABIKA dan TASKA KEMAS dalam Parlimen Bayan Baru adalah berjumlah 140,850.00 melibatkan pelaksanaan 4 projek baik pulih di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 2020) dan 1 projek baik pulih kecil.